



**SURAT PEMBERITAHUAN
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
BILANGAN 12/2020**

**PERLAKSANAAN 'BUSINESS CONTINUITY PLAN' (BCP)
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

Dengan hormat merujuk kepada Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 6/2020 mengenai Garis Panduan Pengawasan dan Menangani Pandemik COVID-19 bagi Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam yang berkuatkuasa pada 16 Mac 2020.

Dimaklumkan bahawa **Business Continuity Plan Jabatan Perkhidmatan Awam [BCPJPA]** telah dilaksanakan mulai 19 Mac 2020. Di antaranya adalah melaksanakan kaedah 'flexible working arrangements' seperti berikut :

- Mengaturkan Pegawai/Kakitangan bekerja secara berkumpulan;
- Mengaturkan Pegawai/Kakitangan yang berisiko tinggi untuk bekerja dari rumah; dan
- Mengurangkan perjumpaan secara fizikal.

Bagi memastikan perjalanan pentadbiran dan perkhidmatan pelanggan tidak terjejas dengan pelaksanaan kaedah bekerja ini, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengambil tindakan-tindakan berikut:

1. Menutup sementara Kaunter Utama Jabatan Perkhidmatan Awam sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Walau bagaimanapun, pihak-pihak yang ingin berurusan dengan Bahagian-Bahagian di Jabatan ini boleh menghubungi talian 2382469 atau melalui emel info.psd@psd.gov.bn.
2. Menyediakan 'Dropbox' di Aras 1 untuk memudahkan pelanggan berurusan tanpa perlu berjumpa dengan pegawai dan kakitangan Jabatan ini bagi perkara-perkara berikut :
 - 2.1. Mengambil Sijil Peperiksaan atau mengembalikan borang seperti borang pinjaman perumahan, borang 'clearance' dan sebagainya.
 - 2.2. Menghantar persuratan/dokumen di Kaunter Penerimaan Persuratan.

N

.../2



-2-

3. Dimaklumkan juga bahawa segala persuratan yang dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Awam bolehlah diimbas (scan) dan dihadapkan ke Jabatan ini melalui emel record@psd.gov.bn dan dokumen fizikal hendaklah dihadapkan kemudian. Walau bagaimanapun persuratan yang berklasifikasi tahap **SULIT** dan ke atas adalah dikecualikan dan hendaklah dihadapkan seperti lazimnya.

Sekian disampaikan untuk makluman bersama.

وَاللَّهُ لِيَتَّقِيكَ

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"
"Jimat Air Amalan Mulia"

[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

24 Rejab 1441 / 19 Mac 2020